

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	26 FEBRUARY 2015



**Najib bersama Muhyiddin** pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, malam tadi. [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

PILIHAN RAYA KECIL DUN CHEMAKA

# UMNO tidak letak calon

BH  
-26/2/2015

» Mesyuarat MT parti ambil keputusan tumpu usaha pemulihan bah di Kelantan

Oleh M Hifzuddin Ikhsan dan Sophia Ahmad  
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

**M**esyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO malam tadi, memutuskan tidak akan bertanding Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Chempaka demi kepentingan dan perpaduan ummah.

Presidennya, Datuk Seri Najib Razak, berkata parti itu

juga berpendapat tumpuan perlu diberikan kepada usaha pemulihan dan kerja kebajikan bagi membantu mangsa banjir di Kelantan.

### Tak jadi kemestian

Beliau yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, tidak menjadi kemestian BN meletakkan calon dan PRK Bukit Gelugor menjadi rujukan apabila BN juga tidak bertanding selepas Pengerusi DAP, Karpal Singh meninggal dunia tahun lalu.

"Bagaimanapun, kita tidak boleh menghalang individu yang hendak bertanding, tetapi UMNO memutuskan tidak meletak calon.

"Kita perlu lihat pada usaha yang membawa kepada perpaduan ummah walaupun ada perbezaan pendapat dan politik," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat MT UMNO di Menara Dato' Onn, di sini.

DUN Chempaka kosong berikutan kematian bekas Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, pada 12 Februari lalu.

Najib yang juga Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira pandangan Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan yang berbincang bersama UMNO Pengkalan Chepa.

Pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), Nik Abdul Aziz menewaskan calon Barisan Nasional (BN), Wan Razman Wan Abd Razak dengan majoriti 6,500 undi. Nik Abdul Aziz mendapat 12,310 undi,

manakala Wan Razman 5,810 undi.

### PRK Permatang Pauh tunggu keputusan petisyen

Mengenai Permatang Pauh, beliau berkata, UMNO akan menunggu keputusan petisyen pengampunan daripada Yang di-Pertuan Agong yang dikemukakan oleh keluarga Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebelum membuat keputusan.

Sementara itu, Najib memaklumkan keahlian UMNO mencecah 3-47 juta selepas permohonan secara atas talian dilancarkan tahun lalu.

"Sejak dilancar kita menerima 1,126 permohonan dengan 774 daripadanya diproses dan diserahkan kepada cawangan mengikut alamat. Pada masa sama, ada 21,245 cawangan UMNO, 19,871 cawangan Wanita, 15,000 cawangan Pemuda dan 10,048 cawangan Puteri layak bersidang kali ini," katanya.

